



LAPORAN TAHUNAN

MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR **2025**

YB TUAN MOHD NAJWAN BIN HALIMI
EXCO BELIA, SUKAN & KEUSAHAWANAN NEGERI SELANGOR
MERANGKAP Pengerusi Majlis Sukan Negeri Selangor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Hormat.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat, keizinan serta inayah-Nya, maka Laporan Tahunan Majlis Sukan Negeri Selangor bagi tahun 2025 ini dapat diterbitkan dengan jayanya sebagai manifestasi kepada komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memperkukuh landskap pembangunan sukan dan belia yang progresif, inklusif serta berdaya tahan.

Laporan ini bukan sekadar merangkumkan pencapaian dan pelaksanaan program sepanjang tahun, malah menjadi cerminan kepada kesungguhan seluruh ekosistem pembangunan sukan negeri dalam mendepani cabaran semasa serta meneroka dimensi baharu ke arah kecemerlangan yang lebih holistik dan mampan.

Sepanjang tahun 2025, pelbagai inisiatif strategik dan pendekatan berimpak tinggi telah digerakkan dalam usaha memperkasakan pembangunan atlet, mempertingkatkan mutu tadbir urus sukan serta memperluas budaya hidup aktif dalam kalangan masyarakat. Selangor terus mengukuhkan reputasinya sebagai antara kuasa utama sukan negara menerusi pencapaian cemerlang atlet-atlet negeri di pelbagai pentas pertandingan, hasil daripada pelaksanaan pelan pembangunan bakat yang sistematik, sokongan institusi yang menyeluruh serta sinergi erat antara Kerajaan Negeri, persatuan sukan dan rakan strategik.

Dalam masa yang sama, agenda pemerksaan belia terus menjadi antara keutamaan utama Kerajaan Negeri selaras dengan aspirasi untuk melahirkan generasi muda yang berdaya saing, berfikiran progresif serta memiliki kepimpinan dan jati diri yang utuh. Pelbagai program berteraskan pembangunan kepimpinan, kesukarelawanan, keusahawanan dan pembangunan komuniti telah dilaksanakan secara inklusif bagi membuka lebih banyak ruang dan peluang kepada golongan belia untuk tampil sebagai agen perubahan yang signifikan kepada pembangunan negeri dan masyarakat.

Menjelang penganjuran Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 di Selangor, persiapan dan perancangan menyeluruh turut diperkasakan secara strategik bagi memastikan Selangor berada pada tahap kesiapsiagaan terbaik sebagai tuan rumah. Komitmen ini bukan sahaja bertujuan memastikan kejayaan penganjuran temasya berprestij tersebut, malah bagi memastikan SUKMA 2026 menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekosistem sukan negeri, pembangunan bakat atlet serta limpahan manfaat ekonomi dan sosial kepada rakyat Selangor secara keseluruhannya.

Saya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga Majlis Sukan Negeri Selangor, persatuan-persatuan sukan, pertubuhan belia, rakan strategik, sektor swasta serta semua pihak yang sentiasa komited dan istiqamah dalam menjayakan agenda pembangunan sukan dan belia negeri ini. Segala pencapaian yang diraih pada hari ini merupakan hasil daripada semangat kebersamaan, dedikasi serta iltizam kolektif yang terus diperkukuhkan dari semasa ke semasa.

Akhir kata, saya berharap agar segala usaha dan perancangan yang dilaksanakan akan terus memberikan manfaat yang berpanjangan kepada rakyat serta menjadi asas kukuh kepada kecemerlangan Selangor pada masa hadapan. Dengan tekad, kesungguhan dan iltizam yang berterusan, saya yakin Selangor akan terus unggul sebagai negeri peneraju dalam pembangunan sukan dan pemerkasaan belia di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

KATA-KATA ALUAN

YBRS. TUAN MOHAMAD NIZAM BIN MARJUGI PENGARAH EKSEKUTIF MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, Laporan Tahunan Majlis Sukan Negeri Selangor bagi tahun 2025 berjaya diterbitkan sebagai dokumentasi rasmi yang merangkumi pencapaian, pelaksanaan program serta hala tuju pembangunan sukan dan belia Negeri Selangor sepanjang tahun ini.

Tahun 2025 merupakan tahun yang penuh dengan cabaran dan persediaan penting buat Majlis Sukan Negeri Selangor dalam memperkukuh momentum pembangunan sukan negeri, khususnya menjelang penganjuran Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 di Selangor. Pelbagai perancangan strategik, program pembangunan atlet, penambahbaikan fasiliti serta pengukuhan sistem sokongan sukan telah dilaksanakan secara menyeluruh bagi memastikan negeri ini berada pada tahap kesiapsiagaan yang terbaik.

Dalam aspek pembangunan atlet, Majlis Sukan Negeri Selangor terus memberi penekanan terhadap usaha melahirkan atlet yang kompetitif dan berprestasi tinggi melalui program latihan yang sistematik, penggunaan pendekatan sains sukan, serta kerjasama erat bersama jurulatih, persatuan sukan dan pelbagai agensi berkaitan. Kejayaan yang diraih oleh atlet-atlet Selangor di pelbagai peringkat pertandingan sepanjang tahun ini membuktikan bahawa usaha pembangunan yang dilaksanakan berada di landasan yang tepat.

Selain kecemerlangan sukan, agenda pembangunan belia turut terus diperkasakan melalui pelaksanaan pelbagai program yang memberi fokus kepada pembangunan kepimpinan, kesukarelawanan, pembangunan komuniti dan pemerksaan anak muda. Inisiatif seperti Penggerak Belia Selangor (PeBS) dan program-program pembangunan belia lain telah membuka ruang kepada generasi muda untuk lebih aktif, kreatif dan berperanan dalam pembangunan masyarakat serta negeri.

Saya percaya segala pencapaian dan kemajuan yang direkodkan sepanjang tahun ini tidak akan dapat dicapai tanpa komitmen, dedikasi dan kerjasama daripada semua pihak. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB EXCO Belia, Sukan & Keusahawanan Negeri Selangor, seluruh warga kerja Majlis Sukan Negeri Selangor, persatuan-persatuan sukan negeri, rakan strategik, agensi kerajaan, institusi pendidikan serta semua pihak yang sentiasa memberikan sokongan dan kepercayaan dalam menjayakan agenda pembangunan sukan dan belia negeri ini.



Semoga segala usaha yang dilaksanakan akan terus menjadi pemangkin kepada kecemerlangan Selangor pada masa hadapan. Dengan semangat kerja berpasukan, iltizam dan komitmen yang berterusan, saya yakin Majlis Sukan Negeri Selangor akan terus melakar kejayaan yang lebih gemilang demi kemajuan sukan dan pembangunan generasi muda negeri ini.

Sekian, terima kasih.

"GENERASI MASA DEPAN SELANGOR"

VISI

Memacu Belia Dan Keunggulan Sukan

MISI

Belia Ideal Dan Sukan Prestasi Tinggi cemerlang

NILAI-NILAI BERSAMA

M – Maju

Selaras dengan Selangor sebagai negeri maju dalam semua aspek termasuk dalam bidang sukan dan pembangunan belia secara holistik.

S – Semangat Berpasukan

Menerapkan semangat berpasukan dan kesepaduan dalam mencapai matlamat dan objektif.


N – Neutral

Mengamalkan prinsip 'no favoritism' mengikut lunas undang – undang dan peraturan yang telah ditetapkan dalam sukan.

S – Sukses

Bermaksud kejayaan dan ianya menjadi matlamat utama dalam mencapai kegemilangan sukan di Selangor dan Malaysia amnya.

STRUKTUR ORGANISASI MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR



DIKEMASKINI CGCS 2025

ISI KANDUNGAN

Perutusan YB Pengerusi Majlis Sukan Negeri Selangor	02
Kata-Kata Aluan Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor	04
Visi & Misi Majlis Sukan Negeri Selangor	06
Struktur Organisasi Majlis Sukan Negeri Selangor	07
1. Bahagian Kewangan	09
2. Bahagian Khidmat Pengurusan	11
2.1 Seksyen Pengurusan Sumber Manusia	12
2.2 Seksyen Pengurusan Rekod & Kualiti	16
3. Bahagian Korporat Dan Komersial	18
3.1 Seksyen Komunikasi Korporat	19
3.2 Seksyen Komersial	19
4. Bahagian Teknologi Maklumat	20
4.1 Seksyen Pengurusan Sistem ICT	21
4.2 Seksyen Sokongan Teknikal ICT	21
5. Bahagian Pengurusan Harta Dan Kemudahan	24
5.1 Seksyen Pengurusan Harta	25
5.2 Seksyen Pengurusan Kemudahan & Projek	25
6. Bahagian Pembangunan Sukan	26
6.1 Seksyen Pengurusan Acara	27
6.2 Seksyen Persediaan SUKMA & Pembangunan Bakat	33
7. Bahagian Sains Sukan	39
7.1 Seksyen Kecergasan & Rehabilitasi	40
7.2 Seksyen Prestasi Sukan	41
7.3 Seksyen Pendidikan Dan Kebajikan Atlet	45
8. Bahagian Pembangunan Belia	47
8.1 Seksyen Pengurusan Program	48
8.2 Seksyen Penggerak Belia Selangor (PeBS)	51

BAHAGIAN **KEWANGAN**

Laporan Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2025

BIL	BUTIRAN	PERUNTUKAN 2025	PERBELANJAAN	BAKI	PRESTASI (%)
		(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
1.	MENGURUS	6,500,000.00	6,472,898.18	27,101.82	99.58%
2.	BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN	10,000,000.00	9,848,533.58	151,466.42	98.49%
3.	BAHAGIAN PEMBANGUNAN BELIA	4,608,000.00	3,932,534.28	675,465.72	85.34%
4.	BAHAGIAN INFRA DAN	390,164.00	304,736.00	85,428.00	78.10%
JUMLAH KESELURUHAN		21,498,164.00	20,558,702.04	939,461.96	95.63%

!

BAHAGIAN
KHIDMAT
PENGURUSAN

**BACAAN YAASIN & TAZKIRAH MENJELANG RAMADAN 144
“ANDAI INI RAMADAN KU YANG TERAKHIR”**

28 Februari 2025. Bilik Mesyuarat SUKSES, Majlis Sukan Negeri Selangor

Majlis ini bertujuan untuk menyemarakkan suasana rohani menjelang Ramadan di samping memberi peringatan serta menambah ilmu melalui sesi tazkirah. Ceramah tersebut akan disampaikan oleh Ustaz Muhamad Amin bin Yahya, seorang penceramah bebas yang bertauliah daripada JAIS.



TAKLIMAT INTERGRITI: “INTERGRITI KEPIMPINAN DALAM BADAN SUKAN”

21 Mei 2025. Bilik Mesyuarat SUKSES, Majlis Sukan Negeri Selangor

Program ini bertujuan meningkatkan integriti serta pengetahuan dalam kalangan persatuan dan jurulatih berhubung isu rasuah serta bahaya terlibat dengan amalan tersebut. Taklimat integriti berkenaan telah disampaikan oleh PKPs Tuan Mohd Redzuan bin Mohamad, Pegawai SPRM Negeri Selangor.



TAKLIMAT INTERGRITI OLEH AGENSI KAUNSELING & PENGURUSAN ASET

06 Ogos 2025. Bilik Mesyuarat SUKSES, Majlis Sukan Negeri Selangor

Program ini bertujuan mengurangkan risiko salah laku dan penyelewengan di samping meningkatkan kesedaran mengenai pengurusan aset agar dapat diurus dengan lebih bijak dan cermat. Taklimat ini telah disampaikan oleh En. Alif Faizudin Jamaludin, Eksekutif Kanan Seksyen Pengurusan Perniagaan & Pemasaran, Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit.



BENGGEL TRAINING OF TRAINERS (TOT)

23 Jun 2025. Bilik Mesyuarat SUKSES, Majlis Sukan Negeri Selangor

Program ini bertujuan membantu meningkatkan keyakinan diri dan motivasi, di samping menyokong pencapaian matlamat kerjaya serta memperkukuh kemahiran kepimpinan dan komunikasi yang seterusnya mampu meningkatkan prestasi kerja. Taklimat ini telah disampaikan oleh Puan Faridah binti Abdul Jalil @ Abas, Pegawai Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia SUK Selangor, bersama Puan Norhayati binti Ahkhiad dari bahagian yang sama selaku fasilitator program.



PENYERAHAN SURAT LANTIKAN MENTOR MENTI PROGRAM PEMENTORAN TAHUN 2025

12 Julai 2025. Bilik Mesyuarat SUKSES, Majlis Sukan Negeri Selangor

Program ini bertujuan membantu meningkatkan keyakinan dan motivasi, di samping menyokong pencapaian matlamat kerjaya serta menggalakkan pemindahan ilmu dan pengalaman antara mentor dan mentee.



TEAMBUILDING & SEMAKAN SASARAN KERJA UTAMA (SKU) PERTENGAHAN TAHUN 2025 MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

22-24 Ogos 2025. Hotel Granada, Johor Bharu

Program ini bertujuan memperkukuh hubungan antara pegawai dan kakitangan melalui peningkatan kerjasama serta komunikasi yang lebih berkesan, sekali gus mewujudkan jalinan kerja yang jelas dan mampu menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi.



PROGRAM INTEGRITI: SUKAN PICKLEBALL MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR
31 Oktober 2025. Pickle X I-City, Shah Alam

Program ini bertujuan membangunkan hubungan serta komunikasi yang positif, di samping mempromosikan gaya hidup sihat melalui pengamalan sukan yang bersih dan harmoni. Selain itu, ia turut menyumbang kepada peningkatan tahap profesionalisme dalam kalangan peserta dan pegawai agar lebih telus, berfikiran positif serta mampu menjalin hubungan yang lebih erat.



PROGRAM INTERGRITI: LAWATAN KE SEKINCHAN
23 Disember 2025. Sekinchan, Selangor

Program ini bertujuan mengeratkan silaturahim dalam kalangan kakitangan wanita di samping menyokong pelaksanaan Program Tahun Melawat Selangor 2025.



TEAMBUILDING & SEMAKAN SASARAN KERJA UTAMA (SKU) PERTENGAHAN TAHUN 2025
MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

22-24 Ogos 2025.
Hotel Granada, Johor Bharu

Program ini bertujuan memperkukuh hubungan antara pegawai dan kakitangan melalui peningkatan kerjasama serta komunikasi yang lebih berkesan, sekali gus mewujudkan jalinan kerja yang jelas dan mampu menghasilkan produktiviti yang lebih tinggi.

**BENKEL FAMILIARISASI EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) & EKSA KENDIRI
MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR**

24 Januari 2025. Bilik Mesyuarat SUKSES, Majlis Sukan Negeri Selangor

Program ini memberi pendedahan mengenai amalan EKSA dalam pengurusan organisasi, yang telah disampaikan oleh Encik Muhammad Faizal bin Abd Rashid, Penolong Juruaudit/Champion MSNS, Bahagian Audit Dalam SUK Selangor.



**SESI TAKLIMAT DAN LATIHAN PENGGUNAAN AUTOMATED EXTERNAL DEFIBRILLATOR (AED)
28 April 2025. Dewan Tempur, Pusat Kecemerlangan Sukan SUKSES, Shah Alam**

Program ini bertujuan memberi pendedahan serta latihan amali berkaitan penggunaan alat AED bagi menghadapi situasi kecemasan dengan lebih berkesan.



SESI PENILAIAN ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2025 BAGI MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

12 Februari 2025. Bilik Mesyuarat SUKSES, Majlis Sukan Negeri Selangor

Penilaian ini dilaksanakan bagi mengukur tahap prestasi pengurusan organisasi yang merangkumi komponen pengurusan, komponen pematuhan dan kualiti, serta komponen perkhidmatan teras.



PELUPUSAN REKOD AWAM DAN REKOD KEWANGAN & PERAKAUNAN MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2025

14 Oktober 2025. Bilik Fail, Majlis Sukan Negeri Selangor

Program ini melibatkan pelupusan fail yang telah tamat tindakan dan telah mencapai tempoh simpanan sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pelupusan Rekod (JPR) oleh Arkib Negara Malaysia.



PERJUMPAAN BERSAMA PEMBANTU TADBIR REKOD JABATAN (PTRJ) SETIAP BAHAGIAN TAHUN 2025

19 Mei 2025. Bilik Mesyuarat SUKSES, Majlis Sukan Negeri Selangor

Program ini bertujuan memberi penerangan berkaitan format penulisan surat rasmi terkini, tatacara pembukaan dan penutupan fail, serta pengurusan surat masuk di bahagian dan surat keluar jabatan. Selain itu, turut dibincangkan perancangan program atau lawatan bersama PTRJ, di samping pemakluman senarai fail yang telah dibuka oleh bahagian serta senarai borang rasmi sedia ada.



PEMBENTANGAN SASARAN KERJA UTAMA (SKU) MSNS TAHUN 2025
6 Februari 2025. Bilik Mesyuarat SUKSES, Majlis Sukan Negeri Selangor

Program ini melibatkan pembentangan SKU setiap bahagian bagi tahun 2025 yang dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif MSNS.



BAHAGIAN
KORPORAT
DAN KOMERSIAL

LAPORAN SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

- i. Mengurus dan menyelaras media sosial rasmi MSNS melalui penghasilan kandungan kreatif, informatif dan terkini berkaitan program serta aktiviti Majlis secara berkala merangkumi Facebook, Instagram, X (Twitter), YouTube dan TikTok.
- ii. Menyediakan dan melaksanakan strategi komunikasi digital bagi memperkukuh penyampaian maklumat serta meningkatkan keterlibatan (engagement) dengan pihak berkepentingan dan orang awam.
- iii. Menyelaras dan mengurus aduan serta maklum balas awam yang diterima melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) secara berhemah, cekap dan berkesan.
- iv. Menyediakan Laporan Prestasi Aduan Tahunan 2025 serta Laporan Prestasi Aduan Bulanan kepada Bahagian Korporat SUK dalam tempoh yang ditetapkan iaitu pada minggu pertama setiap bulan.
- v. Menguruskan penghasilan Buku Laporan Tahunan MSNS bagi tahun 2024 termasuk penyelarasan kandungan, reka bentuk dan semakan akhir sebelum penerbitan.
- vi. Menguruskan penghasilan, perolehan dan pengagihan cenderamata rasmi Majlis bagi tujuan protokol, promosi dan hubungan strategik.
- vii. Menguruskan serta menyelaras hal ehwal protokol, kehadiran tetamu kenamaan dan keperluan majlis rasmi MSNS.
- viii. Menguruskan hubungan media massa termasuk penyediaan kenyataan media, sidang media serta liputan program rasmi anjuran MSNS.
- ix. Mengurus dan menyelaras dokumentasi foto serta video bagi semua program rasmi MSNS sebagai rekod korporat dan bahan arkib.

LAPORAN SEKSYEN KOMERSIAL

- i. Bertanggungjawab untuk membangun dan melaksanakan strategi pemasaran dan penjenamaan, serta menyelia promosi dan penjualan perkhidmatan Majlis.
- ii. Menguruskan permohonan pengecualian cukai bagi penaja-penaja kepada Majlis atau pertubuhan-pertubuhan sukan. Bagi tahun 2025, Seksyen Komersial telah menguruskan ebanyak 68 permohonan pengecualian cukai yang melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM453,400.00.
- iii. Seksyen Komersial juga menguruskan urusan rundingan penajaan, mengenalpasti syarikat yang bersedia untuk menaja program yang dianjurkan oleh pihak Majlis.

BAHAGIAN
TEKNOLOGI
MAKLUMAT

Seksyen Pengurusan Sistem ICT


"Seksyen Pengurusan Sistem ICT bertanggungjawab membangun dan menyelenggara laman web Majlis, menyokong sistem aplikasi, membangunkan sistem dan pangkalan data, serta mengurus multimedia bagi keperluan operasi Majlis."

Seksyen Sokongan Teknikal ICT

"Seksyen Sokongan Teknikal ICT bertanggungjawab merancang, mengurus dan menyelenggara infrastruktur ICT Majlis secara menyeluruh, termasuk rangkaian, pelayan, pusat data, komunikasi, perkakasan dan perisian. Ia juga mengurus aduan kerosakan, perolehan, pergerakan harta modal ICT serta memberi khidmat nasihat. Selain itu, seksyen ini terlibat dalam penyediaan Pelan Strategik, Dasar Keselamatan dan pengurusan bajet ICT tahunan."

Seksyen Pengurusan Sistem ICT

Pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Atlet (SPMA)



Proses Housekeeping Attendance Data Pegawai dan Kakitangan MSNS



Seksyen Sokongan Teknikal ICT

Penggantian hard disk CCTV di Bilik Server MSNS



Upgrade RAM dan Hard Disk Server Di Bilik Server MSNS



Upgrade RAM dan Hard Disk Komputer Pegawai dan Kakitangan MSNS



Penggantian Uninterruptible Power Supplies (UPS) for battery backup Di Bilik Server MSNS



Pemasangan Peranti Sangfor untuk Pengurusan Bandwidth / Internet Pegawai & Kakitangan MSNS



Baik Pulih dan Penggantian Komputer Pegawai dan Kakitangan MSNS




BAHAGIAN
PENGURUSAN
HARTA DAN
KEMUDAHAN

Fungsi Seksyen

- i. Menguruskan pelaksanaan projek membaikpulih, menaiktaraf dan membina baru infrastruktur sukan di Negeri Selangor.
- ii. Bertanggungjawab dalam pemantauan kerja-kerja yang berada dalam tempoh tanggungan kecacatan.
- iii. Menjalankan penyelenggaraan ke atas aduan kerosakan yang diterima.

KERJA-KERJA MENAIKTARAF RUANG KOSONG KEPADA PEJABAT SEKRETARIAT SUKMA XXII SELANGOR 2026 DI ARAS 1, DEWAN RAJA MUDA MUSA SEKSYEN 7, SHAH ALAM.



KERJA MEMBINA PUSAT PENYIMPANAN BARANGAN SERVE DI KOMPLEKS SUKAN SUKSES SEKSYEN 6, SHAH ALAM.



BAHAGIAN **PEMBANGUNAN SUKAN**

KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) KE-15, 2025

Majlis Bandaraya Diraja Klang telah dipilih sebagai tuan rumah lokasi pertandingan bagi edisi pada kali ini yang mempertandingkan sebanyak sebelas (11) jenis sukan iaitu Boling Padang, Taekwondo, Sepak Takraw, Bola Jaring, Ragbi, Pencak Silat, Olahraga, Bola Keranjang, Bola Tampar, Memanah dan Ping Pong.

Majlis Penutup Kejohanan SUKSES 2025 telah disempurnakan oleh YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan & Keusahawanan mewakili YAB Dato' Menteri Besar Selangor. Daerah Petaling telah dinobatkan sebagai juara keseluruhan dengan kutipan pingat sebanyak 42 Emas, 28 Perak dan 21 gangsa. Di tempat kedua adalah Daerah Klang manakala Daerah Sepang berada di tempat yang ketiga.

Atlet Olahraga Daerah Kuala Selangor, Muhamad Daniel Haqiem bin Azman telah dipilih sebagai Olahragawan Kejohanan SUKSES 2025 setelah beliau mempamerkan aksi cemerlang dengan memenangi sebanyak 2 pingat Emas dan 2 rekod baru kejohanan. Seorang lagi Atlet Olahraga dari Daerah Petaling, Sasha Alyssa Philip telah dipilih sebagai Olahragawati Kejohanan SUKSES 2025. Beliau memenangi 3 pingat Emas dan 3 rekod baru kejohanan.

KEDUDUKAN PINGAT KESELURUHAN

KEDUDUKAN	KONTINJEN DAERAH				JUMLAH PINGAT
1.	PETALING	42	28	21	91
2.	KLANG	21	26	26	73
3.	SEPANG	14	16	16	46
4.	HULU LANGAT	14	14	17	45
5.	GOMBAK	8	13	23	44
6.	KUALA SELANGOR	8	8	15	31
7.	HULU SELANGOR	6	7	15	28
8.	KUALA LANGAT	5	6	17	28
9.	SABAK BERNAM	3	3	9	15
JUMLAH KESELURUHAN		121	121	159	401



MAJLIS ANUGERAH SUKAN NEGERI SELANGOR (ASNS) 2024

Majlis Anugerah Sukan Negeri Selangor (ASNS) 2024 telah berlangsung dengan penuh meriah bagi mengiktiraf kecemerlangan atlet, jurulatih serta individu yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan sukan di Negeri Selangor.

Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor diiringi YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan & Keusahawanan Negeri Selangor serta YBrs. Tuan Mohamad Nizam bin Marjugi, Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri Selangor.

Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah atas pencapaian yang membanggakan:

Olahragawan	– Soh Wai Ching (Larian Menara)
Olahragawati	– Nor Farah Ain binti Abdullah (Boling Padang)
Olahragawan Harapan	– Tey Hong Yu (Ping Pong)
Olahragawati Harapan	– Khew Zi Xian (Akuatik)
Pasukan Terbaik	– Selangor Red Giants OG Esports (E-Sukan)
Jurulatih Terbaik (Lelaki)	– Mohd Ariffin bin Abd Ghani (Boling Padang)
Jurulatih Terbaik (Wanita)	– Marilyn Chua Yu Ching (Akuatik)
Anugerah Juri	– Majlis Sukan Sekolah Selangor & Simon Lim Swee Teck
Anugerah Tokoh Kepimpinan	– YBhg. Dato' Setia Haji Haris bin Kasim

Penerima Anugerah Olahragawan dan Olahragawati menerima Trofi serta Wang Tunai sebanyak RM10,000 setiap seorang.





KEM SUKMA "ROAD TO CHAMPION" 2026

Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) telah menganjurkan Kem SUKMA "Road To Champion" 2026 yang dirasmikan oleh Pengarah Eksekutif MSNS, YBrs. Tuan Mohamad Nizam bin Marjugi. Sebanyak 37 pasukan SUKMA Selangor mengikuti taklimat pelan latihan berkualiti sebagai persediaan menuju Temasya SUKMA XXII Selangor 2026.

Antara pengisian kem termasuk Sesi Psikologi bertajuk "Mindset Champion" oleh Pakar Psikologi Sukan, Encik Philip Lew Choon Foong, Taklimat Profil Atlet oleh Prof. Madya Dr. Mohamad Rahizam bin Abdul Rahim serta Sesi Perkongsian Khas "Talk With Champion" bersama atlet kebangsaan seperti Farah Ann, Farah Ain, Fadhil Zonis dan Sekyys, yang memberi inspirasi dan motivasi tambahan kepada atlet kontinjen Selangor.



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM “ROAD TO CHAMPION 2026”

YAB Dato’ Seri Amirudin bin Shari, Dato’ Menteri Besar Selangor diiringi YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan & Keusahawanan dan YBrs. Tuan Mohamad Nizam bin Marjugi, Pengarah Eksekutif MSNS bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran Program “Road To Champion 2026”.

Pada majlis ini, YAB Dato’ Menteri Besar Selangor turut menyampaikan Watikah Pelantikan Program Bapa Angkat Kontinjen SUKMA Selangor kepada Bapa-Bapa Angkat yang terdiri daripada Ahli-Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor, Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat-Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) serta Anak Syarikat Kerajaan Negeri (GLC).



MESYUARAT KONTINJEN SUKMA DAN PARA SUKMA NEGERI SELANGOR 2026

YBrs. Tuan Mohamad Nizam bin Marjugi, Pengarah Eksekutif MSNS mempengerusikan Mesyuarat Kontinjen Para SUKMA Negeri Selangor 2026 yang berlangsung di Bilik Mesyuarat SUKSES, Pejabat MSNS.

Mesyuarat ini bertujuan untuk merancang dan mempersiapkan segala aspek yang melibatkan penyertaan atlet para serta memastikan persediaan yang teratur dan menyeluruh di Kejohanan SUKMA dan Para SUKMA Negeri Selangor 2026.



PROGRAM RETREAT JURULATIH SUKMA & PARA SUKMA NEGERI SELANGOR 2025

YBrs. Tuan Mohamad Nizam bin Marjugi, Pengarah Eksekutif MSNS menyampaikan ucapan ternaem sempena hari pertama Program Retreat Jurulatih SUKMA Negeri Selangor 2025 yang menghimpunkan para jurulatih SUKMA dan Para SUKMA Negeri Selangor.

Program ini menjadi platform perbincangan bagi menilai prestasi pelaksanaan program latihan serta memperkukuh perancangan pasukan Kontinjen Negeri Selangor dalam usaha menghadapi Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) XXII Selangor 2026.



PETRONAS LE TOUR DE LANGKAWI (LTDL) 2025

YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Amirudin bin Shari diiringi YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan & Keusahawanan bagi menyempurnakan Majlis Pelepasan Peringkat ke-6 (Shah Alam - Port Dickson) Petronas LTdL 2025 bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Majlis pelepasan ini turut dihadiri oleh YBrs. Tuan Mohamad Nizam bin Marjugi, Pengarah Eksekutif MSNS.



SELANGOR TUAN RUMAH ISLAMIC SOLIDARITY GAMES 2029

Islamic Solidarity Sports Association (ISSA) secara rasmi mengumumkan bahawa Negeri Selangor telah dipilih sebagai tuan rumah bagi Edisi Ke-7 Islamic Solidarity Games yang akan berlangsung pada tahun 2029.

Delegasi Negeri Selangor yang diwakili oleh YB Tuan Mohd Najwan bin Halimi, EXCO Belia, Sukan & Keusahawanan bersama YBhg. Dato' Mohd Yazid bin Sairi, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) Negeri Selangor dan YBrs. Tuan Mohamad Nizam bin Marjugi, Pengarah Eksekutif MSNS bagi menghadiri majlis pengumuman rasmi yang berlangsung di Riyadh, Arab Saudi yang juga merupakan tuan rumah bagi edisi tahun 2025.



KARNIVAL BAKAT OLIMPIK KEBANGSAAN

Majlis Sukan Negeri Selangor melalui Seksyen Persediaan SUKMA dan Pembangunan Bakat telah menghantar atlet untuk menyertai beberapa siri kejohanan yang telah berlangsung sepanjang tahun.

SIRI 1 / 2025

Tempat : Kuala Nerus, Terengganu
Tarikh : 16 – 20 Julai 2025
Sukan : Berbasikal, Taekwondo, Ping Pong, Lawn Bowls
Pungutan pingat : 10 Emas, 11 Perak, 15 Gangsa



SIRI 2 / 2025

Tempat : Paradigm Mall Convention Centre, Johor Bahru
Tarikh : 9 – 12 Oktober 2025
Sukan : Tinju, Karate-Do, Taekwondo, Judo



SIRI 3 / 2025

Tempat : Seremban dan Port Dickson, Negeri Sembilan
Tarikh : 17 – 21 Disember 2025
Sukan : Akuatik Renang, Akuatik Terjun, Pelayaran, Tenpin Boling, Wushu
Pungutan pingat : 31 Emas, 34 Perak, 34 Gangsa



BENKEL PEMERKASAAN SUKAN PARA & PARA SUKMA 2025

YBrs. Tuan Mohamad Nizam bin Marjugi, Pengarah Eksekutif MSNS menghadiri Bengkel Pemerksaan Sukan Para dan Para SUKMA 2025 yang diadakan pada 17 hingga 20 November bertempat di Hotel Renai, Kota Bharu, Kelantan.

Bengkel ini bertujuan bagi membincangkan hala tuju sukan para dan menjadi platform penting untuk penyelarasan, perkongsian maklumat dan pengukuhan kerjasama strategik demi memperkasakan sukan para di seluruh negara.



BAHAGIAN
SAINS SUKAN

LAPORAN SEKSYEN PRESTASI SUKAN

Fungsi Seksyen

- i. Merangka dan menyediakan program latihan fizikal dan latihan bebanan kepada atlet.
- ii. Menjalankan program latihan bebanan dan latihan fizikal kepada atlet serta memantau program latihan fizikal yang dijalankan oleh jurulatih.
- iii. Menjalankan ujian kecergasan dan ujian kemajuan kecergasan kepada atlet mengikut perancangan periodisasi setiap sukan.
- iv. Melaksanakan penilaian kecergasan fizikal atlet dan memastikan tahap kecergasan fizikal atlet berada dalam keadaan yang baik dari semasa ke semasa.
- v. Merancang pembelian dan penyelenggaraan peralatan latihan dan kecergasan gymnasium di Pusat Kecemerlangan Sukan Selangor.
- vi. Menjalankan penilaian terperinci dan interpretasi masalah atlet.
- vii. Mendokumentasi penemuan penilaian fisioterapi serta rawatan atlet.
- viii. Melaksanakan penyediaan peralatan pakai buang kepada atlet.
- ix. Melaksanakan program berkaitan rawatan dan rehabilitasi dalam sukan.
- x. Melaksanakan tugas-tugas berkaitan lain yang diarahkan oleh ketua jabatan dari semasa ke semasa.
- xi. Memberikan Pendidikan terhadap pencegahan kecederaan kepada atlet.

**PROGRAM PENGENALAN PANDUAN LATIHAN SUAIAN FIZIKAL SUKAN MERENTAS DESA
MAJLIS SUKAN DAERAH HULU SELANGOR TAHUN 2025**

7 Januari 2025. Pusat Latihan Pejabat Pendidikan Daerah Hulu Selangor

Program ini melibatkan penyertaan seramai 45 orang guru sekolah rendah dan menengah dengan tujuan memberi pengenalan kepada latihan suaian fizikal bagi sukan olahraga khususnya acara merentas desa.



**PROGRAM KENAL PASTI (TID) DAN UJIAN KECERGASAN BAGI SUKAN BERBASIKAL
TAHUN 2025**


11 Januari 2025. Pusat Kecemerlangan Sukan SUKSES, Shah Alam

Program ini melibatkan penyertaan seramai 20 orang atlet bakat baharu berbasikal, dengan tujuan mengenal pasti dan menilai tahap potensi atlet seawal usia 13 tahun bagi kategori lelaki dan wanita. Ujian yang dijalankan merangkumi penilaian antropometrik serta ujian spesifik menggunakan Wattbike bagi mengukur prestasi dan keupayaan atlet.



SESI PENGENALAN LATIHAN BEBANAN BAGI PASUKAN BERBASIKAL MTB
16 Mei 2025. Gimnasium Puncak Alam

Program ini melibatkan penyertaan seramai lima orang atlet berbasikal MTB Selangor dengan tujuan memberi pengenalan serta tunjuk ajar berkaitan latihan bebanan yang sesuai untuk sukan tersebut. Melalui program ini, atlet turut didedahkan kepada pelaksanaan latihan bebanan secara konsisten setiap minggu mengikut perancangan program latihan sehingga menjelang hari pertandingan.



SESI UJIAN KECERGASAN & PENGENALAN LATIHAN SPESIFIK BEBANAN BAGI PASUKAN
ANGKAT BERAT SUKMA NEGERI SELANGOR
11 Oktober 2025. Pusat Latihan Angkat Berat Selangor, Hulu Langat

Program ini melibatkan penyertaan seramai enam orang atlet dalam sesi yang dijalankan dengan fokus kepada ujian kecergasan dari aspek ketahanan jantung di samping memberi pengenalan kepada latihan spesifik melibatkan masa reaksi (time reaction) dan kuasa letupan (explosive power). Selain itu, program ini turut membantu meningkatkan keyakinan diri atlet serta memperkukuh keserasian dalam pasukan.



SESI URUTAN SUKAN BERSAMA PERSATUAN URUTAN SUKAN SELANGOR (SSMA) 31 Mei 2025. Pusat Kecemerlangan Sukan SUKSES, Shah Alam

Program ini melibatkan penyertaan seramai 60 orang atlet bersama jurulatih dalam sesi urutan sukan dengan tujuan memberi pendedahan kepada atlet mengenai kepentingan urutan sukan dalam konteks latihan dan kejohanan. Melalui sesi ini, atlet dapat meningkatkan tahap pemulihan otot, mengurangkan risiko kecederaan serta mempertingkatkan prestasi fizikal secara keseluruhan.



LAPORAN SEKSYEN PRESTASI SUKAN

Fungsi Seksyen

- i. Bertanggungjawab untuk membantu atlet dan jurulatih dalam mengenalpasti kelemahan prestasi atlet yang spesifik melalui kaedah sains sukan.
- ii. Memastikan pelan perancangan jurulatih adalah berdasarkan elemen – elemen sains sukan yang wajib ada dalam pembangunan prestasi atlet.
- iii. Bekerjasama dengan pihak universiti untuk membantu atlet dan jurulatih mendapatkan perincian data sebagai bukti saintifik untuk peningkatan prestasi sukan atlet.
- iv. Bertanggungjawab memberikan khidmat sokongan kepada persatuan/pasukan/jurulatih/atlet ketika sesi latihan atau menyertai sebarang kejohanan.
- v. Merancang program – program sokongan kepada atlet dan jurulatih yang memacu kepada peningkatan prestasi sukan atlet.

LACTATE THRESHOLD (UJIAN DARAH AMBANG LAKTAT) 29 Mei 2025. Pusat Akuatik Darul Ehsan, Shah Alam

Program ini melibatkan penyertaan seramai sembilan orang atlet renang SUKMA Selangor dengan tujuan menguji tahap pengumpulan asid laktik semasa latihan dijalankan. Melalui ujian ini, atlet dapat mengenal pasti tahap prestasi semasa serta menggunakan data yang diperolehi bagi menambah baik program latihan, khususnya dalam penetapan intensiti latihan yang lebih sesuai.



UJIAN ISOKINETIK 15 Jun 2025. Pusat Perubatan Universiti Malaya

Program ini melibatkan seorang atlet silat yang menjalani ujian bagi mengukur kekuatan otot secara objektif pada kelajuan tetap serta mengesan ketidakseimbangan otot, khususnya pada bahagian lutut, bahu atau pergelangan kaki. Melalui ujian ini, atlet dapat mengenal pasti tahap kekuatan otot dan ketidakseimbangan yang wujud, seterusnya membantu dalam perancangan latihan serta pencegahan kecederaan dengan lebih berkesan.



UJIAN FTP (FUNCTIONAL THRESHOLD POWER) ATLET BERBASIKAL 26 September 2025. Pusat Kecemerlangan Sukan SUKSES, Shah Alam

Program ini melibatkan penyertaan seramai lima orang atlet basikal yang menjalani ujian FTP (Functional Threshold Power) bagi menentukan tahap keergasan daya tahan, menetapkan zon latihan, memantau perkembangan prestasi serta merancang program latihan dengan lebih tepat. Melalui ujian ini, atlet dapat mengetahui tahap keupayaan daya tahan masing-masing serta menggunakan data yang diperolehi untuk meningkatkan prestasi dan merancang latihan secara lebih sistematik.



LAPORAN SEKSYEN PENDIDIKAN & KEBAJIKAN ATLET

Fungsi Seksyen

- i. Menyelaras bantuan untuk kemasukan atlet – atlet yang cemerlang dalam bidang akademik dan sukan ke IPT. Bekerjasama dengan semua IPT di dalam Selangor untuk platform atlet-atlet ini meneruskan pendidikan di peringkat IPT di dalam Selangor.
- ii. Melaksanakan program penganjuran kursus atau bengkel pendidikan kepada atlet dan jurulatih Negeri Selangor secara berterusan.
- iii. Memastikan database/maklumat pendidikan atlet dan pencapaian sijil jurulatih Negeri Selangor sentiasa di kemaskini.
- iv. Menyelaras syarat dan kriteria skim bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri untuk atlet Negeri Selangor yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat IPT.
- v. Menyediakan perlindungan insurans berkelompok kepada atlet sukan Negeri Selangor.

BENGKEL KEJURULATIHAN PERANCANGAN LATIHAN BAGI TAHUN 2025 19 & 20 Februari 2025. Bilik Mesyuarat SUKSES, Majlis Sukan Negeri Selangor

Program ini melibatkan penyertaan jurulatih negeri Selangor dengan tujuan meningkatkan kemahiran teknikal dan praktikal dalam merancang program latihan. Selain itu, program ini turut memperkukuh kefahaman jurulatih terhadap konsep dan teori terkini dalam perancangan latihan, sekali gus memastikan program yang dirancang mampu membantu meningkatkan prestasi atlet secara maksimum.



PROGRAM RETREAT JURULATIH SUKAN MALAYSIA (SUKMA) & PARA SUKMA NEGERI SELANGOR TAHUN 2025

11-13 November 2025. Hotel Geno, Subang Jaya

Program ini melibatkan penyertaan jurulatih SUKMA dan Para SUKMA Negeri Selangor dengan tujuan meningkatkan kemahiran profesional melalui perkongsian amalan terbaik daripada pakar akademik dan pegawai sains sukan. Selain itu, program ini membantu jurulatih memahami dengan lebih jelas konsep performance profiling dalam merancang program latihan atlet secara lebih efektif, di samping memperkukuh kefahaman teori berkaitan komponen asas sains sukan yang perlu diaplikasikan semasa sesi latihan bagi meningkatkan prestasi atlet secara optimum serta mengurangkan risiko kecederaan.



LAPORAN TAHUNAN
MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR **2025**

BAHAGIAN
PEMBANGUNAN
BELIA

Majlis Iftar YB EXCO Bersama Belia Negeri Selangor 17 Mac 2025. Dewan Petals Event Space, Shah Alam.

Program ini dianjurkan bertujuan untuk menyampaikan amanat Kerajaan Negeri Selangor melalui EXCO Belia, Sukan & Keusahawanan kepada belia supaya dapat diperluaskan kepada masyarakat dan rakyat tempatan. Pada majlis ini juga YB EXCO turut menyampaikan sumbangan Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM10,000 kepada Persatuan Mahasiswa Selangor (PERMAS) Nasional.



Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Pejabat Exco Belia, Sukan Dan Keusahawanan Negeri Selangor 18 dan 20 April 2025

Majlis ini bertujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara YB EXCO Selangor bersama rakyat daripada pelbagai kaum dan lapisan masyarakat dalam suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri yang harmoni. Selain itu, majlis ini turut diadakan bagi meraikan perayaan tersebut bersama masyarakat setempat sebagai tanda penghargaan dan penghormatan atas sokongan yang telah diberikan.



Konvensyen Belia Negeri Selangor 2025

30 September 2025. Dewan Raja Muda Musa, Shah Alam.

Penganjuran Konvensyen Belia Selangor 2025 bertujuan menghimpunkan golongan belia daripada pelbagai latar belakang bagi membincangkan isu-isu semasa, memperkasa nilai kepimpinan serta merangka hala tuju pembangunan belia yang lebih mampan dan progresif. Program ini juga diharap dapat memupuk semangat patriotisme, meningkatkan kesedaran sivik serta menggalakkan penglibatan aktif belia dalam agenda pembangunan negeri.



Kita Genk PeBS Sempena Festival Belia Madani Selangor

24 dan 25 Oktober 2025. Laman Rekreasi Konvensyen MPAJ, Taman Melawati.

Penganjuran festival selama dua hari ini turut menitikberatkan aspek aksesibiliti, keselesaan dan keterangkuman komuniti anak muda tempatan, selari dengan aspirasi SMART Selangor 2025 dalam menjadikan belia sebagai rakan pembangunan kepada kerajaan negeri. Justeru, Festival Genk PeBS bukan sahaja berfungsi sebagai platform hiburan, malah menjadi pemangkin dalam memperkukuh identiti belia Selangor yang berdaya saing.



Misi Bantuan Pasca Banjir Sukarelawan Selangor (SERVE) Di Sekitar Selangor

1 hingga 15 Disember 2025. Kuala Selangor, Sepang, Hulu Langat dan Sabak Bernam.

Misi Bantuan Pasca Banjir oleh Pasukan SERVE dilaksanakan bagi membantu kerja-kerja pembersihan susulan kejadian hujan lebat berterusan melebihi tempoh sehari yang telah menjejaskan paras sungai dan sistem saliran sehingga mengakibatkan banjir, sekali gus memaksa ramai mangsa dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di beberapa lokasi sekitar Selangor.

Bertindak atas arahan Kerajaan Negeri, Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor (UPBN) telah mengeluarkan arahan pergerakan kepada semua agensi berkaitan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan serta pasukan SERVE bagi melaksanakan operasi bantuan dan pemulihan di kawasan terjejas.



**Misi Bantuan Pasca Bencana Letupan Paip Gas di Putra Heights, Subang Jaya
4 hingga 13 April 2025. Sekitar Putra Heights.**

YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Selangor telah mengumumkan beberapa langkah awal bagi membantu masyarakat yang terkesan dengan menggerakkan agensi-agensi berkaitan.

Susulan itu, Majlis Sukan Negeri Selangor diarahkan untuk menggerakkan pasukan Sukarelawan Selangor (SERVE) bagi membantu membersihkan kawasan terjejas secara menyeluruh dengan bekerjasama dengan pihak berkuasa dalam menguruskan serpihan serta sisa di jalan raya, kawasan kediaman dan ruang awam. Selain itu, semua kerja pembersihan dilaksanakan mengikut prosedur keselamatan dan kesihatan yang ditetapkan bagi memastikan operasi berjalan lancar serta mengurangkan risiko kecederaan atau bahaya lanjut.



PeBS Sabak Bernam

Program Teras Hubungan Antarabangsa & Pemikiran Global "TRIP PeBS MDSB TO HATYAI" 10 Julai 2025. Hatyai, Thailand.

Program ini bertujuan memahami taraf sosioekonomi golongan belia serta kebudayaan masyarakat di Hatyai sebagai usaha memperluas perspektif dan pengetahuan dalam konteks pembangunan sosial dan budaya.



Program Teras Kebudayaan, Kreativiti & Sukan "KARNIVAL SUKAN PeBS" 4 Oktober 2025. Dewan Seri Bernam, Sungai Besar.

Karnival sukan ini bertujuan memupuk semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat setempat serta menggalakkan gaya hidup sihat melalui penglibatan aktif komuniti.



PeBS Kuala Selangor

Program Teras Kebudayaan, Kreativiti & Sukan

“SNUKER SANTAI BELIA PeBS”

25 Mei 2025. Wafi Champion Snooker, Kuala Selangor.

Program snuker santai belia ini bertujuan memupuk semangat kesukanan dalam kalangan komuniti setempat di samping menggalakkan penglibatan aktif belia dalam aktiviti riadah yang sihat dan berfaedah.



Program Teras Kebudayaan, Kreativiti & Sukan

“SUKANEKA RAKYAT”

30 Ogos 2025. Taman Sirambai, Kuala Selangor.

Program sukaneka ini memfokuskan penglibatan belia setempat bagi meningkatkan semangat kesukanan dalam komuniti serta memupuk nilai kebersamaan dan penghayatan terhadap kebudayaan setempat.



**Program Teras Pendidikan dan Teras Hubungan Antarabangsa & Pemikiran Global
"LAWATAN SMK 24 (2) SHAH ALAM KE RICH TALENT INTERNATIONAL COLLEGE"
12 April 2025. Rich Talent International College, Shah Alam.**

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pilihan pendidikan tinggi yang ditawarkan di Rich Talent International College, di samping memberi peluang kepada mereka melihat sendiri kemudahan serta infrastruktur yang disediakan oleh pihak kolej. Program ini melibatkan penyertaan seramai 59 orang pelajar Tingkatan 5 dari SMK Seksyen 24 (2).



**Program Teras Kebudayaan, Kreativiti & Sukan
"STRIKE SERI SETIA 2025"
30 November 2025. Sunway Megalanes, Sunway Pyramid.**

Kejohanan sukan ini bertujuan mewujudkan interaksi positif antara belia setempat agar dapat saling mengenali serta membina jaringan sosial yang sihat dan harmoni.



**Program Teras Kebudayaan, Kreativiti & Sukan
"PROGRAM HIKING BERSAMA PeBS"
20 Julai 2025. Bukit Ketumbar, Ampang.**

Program Hiking Bersama PeBS bertujuan memupuk gaya hidup sihat, memperkukuh semangat kerjasama serta memartabatkan peranan belia melalui penglibatan dalam aktiviti luar yang bermanfaat. Program ini melibatkan penyertaan golongan belia sekitar Ampang Jaya.



**Program Teras Hubungan Antarabangsa & Pemikiran Global
"PROGRAM RETREAT LAWATAN PEBS MPAJ KE BANDUNG"
31 Oktober hingga 2 November 2025. Bandung, Indonesia.**

Program ini bertujuan mempelajari pendekatan bagi menarik minat golongan muda terhadap penglibatan dalam sesebuah parti politik, di samping membina kerjasama dalam pelaksanaan Program Literasi Politik Rentas Negara pada masa akan datang. Program ini melibatkan penyertaan daripada PeBS MPAJ.



**Program Teras Kebudayaan, Kreativiti & Sukan
"SATAY FUN RUN 2.0"**
20 Julai 2025. Parkland Residence, Kajang 2.

Program Satay Fun Run 2.0 anjuran Penggerak Belia Selangor Zon 8 bertujuan memupuk semangat kesukanan dalam kalangan masyarakat setempat serta menggalakkan gaya hidup sihat melalui penglibatan aktif komuniti. Program ini melibatkan penyertaan komuniti sekitar Kajang.



**Program Teras Kebudayaan, Kreativiti & Sukan
"YOUTH VIBES RUN"**
11 Oktober 2025. Lake Valley, Bandar Tun Hussein Onn.

Program Youth Vibes Run anjuran Penggerak Belia Selangor Kajang bertujuan menyemai semangat kesukanan, memperkukuh perpaduan komuniti serta menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat. Program ini melibatkan penyertaan komuniti dari seluruh Selangor.



Program Teras Nasionalisme & Patriotisme
“PROGRAM INDUK SEMANGAT PEJUANG MERDEKA WARZONE 2025”
7 September 2025. Nemesis Legion Paintball Academy.

Program ini bertujuan membina kemahiran kepimpinan, kerjasama berpasukan serta pemikiran strategik dalam kalangan peserta. Selain itu, program ini turut membantu meningkatkan ketahanan mental dan fizikal di samping menyemai semangat cintakan negara melalui pelaksanaan aktiviti lasak dan berpasukan. Program ini melibatkan penyertaan seramai 40 orang peserta.



Program Teras Hubungan Antarabangsa & Pemikiran Global
“PROGRAM INDUK RETREAT PEMBANGUNAN KEPIMPINAN & PEMIKIRAN BELIA”
6 hingga 12 November 2025. Beijing, China.

Program Induk Retreat Pembangunan Kepimpinan & Pemikiran Belia di Beijing bertujuan memperkukuh jaringan antarabangsa dalam usaha membentuk generasi muda yang berwawasan, berdaya saing serta mampu berfikir secara global. Selain itu, program ini turut memberi penekanan kepada peningkatan aspek kepimpinan dan hubungan luar dalam kalangan belia. Program ini melibatkan penyertaan seramai 20 orang mahasiswa.



**Program Teras Kebudayaan, Kreativiti & Sukan
"MEMANCIING 3 SEKAMPUNG"
8 November 2025. Jalan Sukepi, Jenjarom.**

Program Memancing 3 Sekampung bertujuan mengeratkan silaturahim dan ukhuwah dalam kalangan penduduk setempat. Selain itu, program ini turut menyemarakkan aktiviti sosial kemasyarakatan, memupuk perpaduan serta menyediakan platform rekreasi santai kepada komuniti. Program ini melibatkan penyertaan seramai 130 orang peserta.



**Program Teras Pendidikan
"CERAMAH ANTI BULI"
17 Oktober 2025. Dewan Emkay, SMK Methodist Telok Datok.**

Program Ceramah Anti Buli bertujuan meningkatkan kesedaran pelajar mengenai bahaya serta implikasi perbuatan buli sama ada secara fizikal, lisan mahupun siber, di samping membantu mencegah salah laku disiplin di sekolah. Program ini melibatkan penyertaan seramai 120 orang pelajar.



Program Teras Kebudayaan, Kreativiti & Sukan

“PROGRAM FUTSAL MUHIBAH KOMUNITI ZON 20 MPS”

19 Julai 2025. Gelanggang Futsal Taman Matang Jaya 11, Sungai Buloh.

Program Futsal Muhibah Komuniti Zon 20 MPS bertujuan memperkukuh hubungan silaturahim antara belia pelbagai kaum, khususnya golongan belia yang menetap di Taman Matang Jaya. Program ini melibatkan penyertaan seramai 40 orang peserta.



Program Teras Kebudayaan, Kreativiti & Sukan

“PERTANDINGAN MOBILE LEGENDS: BANG BANG PEBS PAYA JARAS 2025”

20 Disember 2025. Dewan Matang Pagar, Sungai Buloh.

Program ini bertujuan memperkukuh hubungan silaturahim antara belia pelbagai kaum, khususnya golongan belia yang menetap di Taman Matang Jaya. Program ini melibatkan penyertaan seramai 64 orang peserta.



**Program Teras Pekerjaan Dan Pembangunan Kemahiran
"PROGRAM BENGKEL SEMBURAN CAT BERSAMA DITON RAJA CAT MALAYSIA"
4 Oktober 2025. Bengkel Taufiq Motor Sport, Hulu Selangor.**

Program ini bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada peserta untuk menceburi bidang semburan cat bersama Diton Raja Cat Malaysia. Program ini melibatkan penyertaan seramai 30 orang peserta.



**Program Teras Kebudayaan, Kreativiti & Sukan
"KEMBARA KE LUBUK TUPAI, HULU RENING"
20 Julai 2025. Lubuk Tupai, Hulu Rening, Hulu Selangor.**

Program Kembara ke Lubuk Tupai bertujuan mengeratkan hubungan antara NGO belia kawasan di samping menghargai keindahan alam semula jadi. Program ini melibatkan penyertaan seramai 40 orang yang terdiri daripada Kelab Belia Jati Diri, BKIC Batang Kali International Circuit serta Generasi Penggerak Kebangsaan.



Program Teras Kebudayaan, Kreativiti & Sukan

“KARNIVAL BELIA MADANI ‘JOM AKTIF’ @ SEPANG 2025”

2 Ogos 2025. Dewan Serbaguna Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang.

Program Karnival Belia MADANI ‘Jom Aktif’ @ Sepang 2025 bertujuan menggalakkan golongan muda di Sepang untuk sentiasa aktif dan mengamalkan gaya hidup sihat. Program ini melibatkan penyertaan seramai 1,000 orang peserta.



Program Teras Hubungan Antarabangsa & Pemikiran Global

“LAWATAN SAMBIL BELAJAR (KEPIMPINAN & BUDAYA) PENGGERAK BELIA SELANGOR SEPANG”

21 November 2025. Dinas Kepemudaan Dan Olahraga Kota Batam.

Program Lawatan Sambil Belajar (Kepimpinan & Budaya) Penggerak Belia Selangor Sepang ke Dinas Kepemudaan dan Olahraga Kota Batam bertujuan menjalinkan hubungan silaturahim serta berkongsi pandangan berkaitan pengurusan belia antara PeBS dan pihak Dinas Kepemudaan dan Olahraga Kota Batam. Program ini melibatkan penyertaan seramai 15 orang peserta.



Program Teras Kepimpinan & Literasi Politik

“LAWATAN RASMI & PROGRAM PEMBANGUNAN KEPIMPINAN BELIA PEBS MBSJ KE PULAU PINANG”

19 hingga 21 Disember 2025. Pulau Pinang.

Program Lawatan Rasmi & Program Pembangunan Kepimpinan Belia PeBS MBSJ ke Pulau Pinang dengan kerjasama Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP) bertujuan membina jaringan pintar antara kedua-dua pihak bagi mempelajari serta berkongsi pengalaman dalam pengurusan pembangunan belia di negeri masing-masing. Program ini melibatkan penyertaan seramai 15 orang peserta.



Program Teras Kebudayaan, Kreativiti & Sukan

“SANTAI BOWLING ANAK MUDA SERI SERDANG”

30 November 2025. IOI City Mall Putrajaya.

Program Santai Bowling Anak Muda Seri Serdang anjuran Pusat Khidmat DUN Seri Serdang bertujuan memupuk semangat kesukanan serta menggalakkan interaksi sosial dalam kalangan belia di kawasan tersebut. Program ini melibatkan penyertaan seramai 100 orang peserta.



PENGHARGAAN

Majlis Sukan Negeri Selangor merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga kerja Majlis Sukan Negeri Selangor atas segala komitmen, kerjasama dan dedikasi yang telah dicurahkan sepanjang proses penyediaan Buku Laporan Tahunan Majlis Sukan Negeri Selangor Tahun 2025. Segala maklumat, data dan dokumentasi yang disumbangkan telah membantu memastikan penerbitan laporan ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan jayanya.

Penghargaan turut dizahirkan kepada semua pihak yang sentiasa memberikan sokongan, kepercayaan dan kerjasama dalam memperkukuh agenda pembangunan sukan dan belia Negeri Selangor sepanjang tahun ini, khususnya kepada:

YAB Dato' Menteri Besar Selangor atas sokongan dan komitmen berterusan dalam memperkasa pembangunan sukan dan belia negeri;

YB EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan Negeri Selangor atas kepimpinan, panduan serta komitmen dalam menerajui hala tuju pembangunan sukan dan belia Negeri Selangor;

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Ahli Lembaga Pengurus Majlis Sukan Negeri Selangor, Pejabat Ahli-Ahli Dewan Negeri Selangor, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis-Majlis Sukan Daerah, jabatan serta agensi kerajaan negeri dan persekutuan yang sentiasa memberikan kerjasama dalam pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif pembangunan sukan serta belia;

Persatuan-persatuan sukan negeri, jurulatih, pegawai dan atlet-atlet Selangor yang terus komited mengharumkan nama negeri melalui pencapaian cemerlang di peringkat kebangsaan dan antarabangsa;

Rakan-rakan strategik, sektor swasta, institusi pendidikan, badan bukan kerajaan (NGO) serta pihak media yang sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan pelbagai program, aktiviti dan urusan rasmi sepanjang tahun 2025.

Sesungguhnya segala kejayaan dan pencapaian yang diraih adalah hasil daripada semangat kerjasama, sokongan padu dan iltizam bersama semua pihak yang terlibat. Adalah menjadi harapan Majlis agar hubungan strategik dan kerjasama erat ini akan terus diperkasakan demi memastikan Majlis Sukan Negeri Selangor terus unggul sebagai organisasi yang progresif, berdaya saing dan cemerlang dalam pembangunan sukan serta pemerksaan generasi muda negeri.

“GENERASI MASA DEPAN SELANGOR”



QR Laman Sosial MSN Selangor
(Tiktok, Facebook, Instagram, Twitter & Youtube)

Majlis Sukan Negeri Selangor

Aras 3, Kompleks Generasi Muda Dan Sukan Negeri Selangor,
Lot 4, Jalan Platinum 7/52, Seksyen 7, Persiaran Kayangan,
40000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

E-mel : admin@msnselangor.gov.my
Laman Web : www.msnselangor.gov.my